

TERMA RUJUKAN

PILIHAN INDUSTRI KRAF CENDANA

GAMBARAN KESELURUHAN

Fasa Pembiayaan	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Pemohon/ Pencalon Dimaklumkan Pada	Inisiatif Bermula Pada
Fasa 1	18 Ogos 2020	17 September 2020	16 Oktober 2020	November 2020 dan seterusnya
Fasa 2	19 Oktober 2020	18 November 2020	17 Disember 2020	Januari 2021 dan seterusnya

Apakah Pilihan Industri Kraf CENDANA?

Pilihan Industri Kraf CENDANA bertujuan untuk meningkatkan industri kraftangan Malaysia dengan menawarkan pengiktirafan dan penghargaan khas kepada artisan, pembuat kraf dan pengeluar kraf tradisional Malaysia dan perdagangan yang terancam untuk kelestarian ekonomi kraf Malaysia - membezakan mereka kerana kecemerlangan dan tahap kemahiran mereka dalam bidang pembuatan hasil kraftangan.

Melalui pendekatan yang pelbagai, **Pilihan Industri Kraf CENDANA** memilih dan memberi insentif kepada artisan, pembuat dan pengeluar kraf yang mahir menerusi perantara (*intermediary*) yang terlibat dalam sektor kraf Malaysia di seluruh negara¹ sehingga RM30,000 untuk pembangunan dan pengeluaran produk mereka serta untuk menyokong penyelenggaraan dan penambahbaikan infrastruktur mereka.

Dengan semangat untuk melestarikan dan mengekalkan karya seni, **Pilihan Industri Kraf CENDANA** mendorong artisan-artisan Malaysia yang mahir dalam sektor kraf untuk terus menghasilkan, berinovasi dan memasarkan kraf mereka sebagai sumbangan langsung kepada ekonomi kraf dengan mengemukakan permohonan mereka atau dengan mencalonkan orang lain di industri kraf.

Naratif tempatan yang unik dari para penerima anugerah dan kisah produk mereka akan difilemkan dalam bentuk dokumentari pendek yang akan tersedia di laman web dan media sosial CENDANA untuk rujukan di masa hadapan.

Apakah kriteria untuk Pilihan Industri Kraf CENDANA?

Sebagai inisiatif perintis untuk mempromosikan sektor kraf Malaysia, **Pilihan Industri Kraf CENDANA** mengalu-alukan permohonan dan pencalonan untuk individu, kolektif dan organisasi yang luar biasa melalui artisan, pembuat dan pengeluar kraf dan perantara

¹ Sebilangan besar pembuat kraf dikenal pasti di Sabah, Sarawak, Terengganu and Kelantan: "Kuala Lumpur as a Cultural and Creative City", page 28: [https://www.cendana.com.my/clients/Cendana_78A7CADC-1C4A-44E8-A815-E2B4C1D11FE0/contentms/img/Documents/CendanaReport_Option%20FA_For%20Web\(190220\).pdf](https://www.cendana.com.my/clients/Cendana_78A7CADC-1C4A-44E8-A815-E2B4C1D11FE0/contentms/img/Documents/CendanaReport_Option%20FA_For%20Web(190220).pdf)

TERMA RUJUKAN

(*intermediary*) yang aktif terlibat dalam pengembangan, pengeluaran dan promosi "industri kraftangan"² yang tidak terhad kepada subkategori berikut:

Jenis-Jenis Kraf ³
<ul style="list-style-type: none"> • Tekstil Batik, Songket, Songkok, Kebaya Sulam
<ul style="list-style-type: none"> • Sulaman Tekat, Pua Kumbu, Benang emas
<ul style="list-style-type: none"> • Barangan Manik Nyonya/Peranakan, Borneo
<ul style="list-style-type: none"> • Tenunan Tikar tenunan halus
<ul style="list-style-type: none"> • Bakul Dibuat dengan bahan semula jadi seperti kayu, buluh, rotan, mengkuang, daun pandan, tempurung kelapa dan banyak lagi (Sugu Duri, Apok)
<ul style="list-style-type: none"> • Seramik dan Tembikar Labu Sayong, Nuan
<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Kayu Ukiran topeng, ukiran papan tanda, ukiran kayu rumah tradisional, pembuatan perahu
<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Logam Timah, Perak, Emas, Aluminium Senjata (Keris, Parang) Tepak Sirih, Barang kemas
<ul style="list-style-type: none"> • Kraf Etnik Kaligrafi (Arab dan Cina), kalungan bunga, Kolam, pembuatan tanglung
<ul style="list-style-type: none"> • Seni Tradisional Wau / Wau Bulan, Gasing
<ul style="list-style-type: none"> • Alat Muzik dan Alat Peraga Kompang, Sape, Serunai, Kuda Kepang, Tarian Singa, Wayang Kulit, Sumpitan
<ul style="list-style-type: none"> • Pembaikan Antik

² "Akta 222 Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Act 1979"

Sebuah akta yang tertakluk kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan industri kraf – "Keluaran Kraftangan" ertinya apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa keluaran batik; dan "keluaran batik" ertinya apa-apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai rekabentuk batik pada atau di mana-mana bahagiannya."

http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Act%20222-diluluskan%20TP%207_12_2015.pdf

³ Senarai ini tidak lengkap. Bidang kraf yang lain terdapat di [laman web](#) Kraftangan Malaysia atau [Google Arts & Culture](#).

TERMA RUJUKAN

Perabot tradisional
<ul style="list-style-type: none"> • Kasut buatan tangan Terompah, Kasut Manek Peranakan
Untuk Perantara (<i>Intermediary</i>)
Perbelanjaan Yang Layak
<p><u>Yuran Profesional</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran yang merangkumi pentadbiran, perbelanjaan perjalanan, penginapan, pemasaran, dll.
Perbelanjaan Tidak Layak
<p><u>Pembelian peralatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Komputer riba, tablet, pencetak, perabot pejabat, dll. <p><u>Pemasaran digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran domain web dan pengehosan web • Bayaran sijil SSL (Secure Sockets Layer) • Bayaran Pengoptimuman Enjin Carian • Bayaran penyimpanan awan (mis. iCloud, Dropbox) • Apa-apa jenis alat penyimpanan (mis. Pemacu kilat USB) • Gerbang pembayaran e-dagang
Untuk artisan, pembuat kraf dan pengeluar (individual, kolektif dan organisasi)
Perbelanjaan Yang Layak
<p><u>Bahan Mentah</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hasil rimba seperti daun mengkuang, pandan, rotan, buluh, rumbia, nipah, serabut, kayu, papan lapis, dll. • Hasil tanah seperti tanah liat, batu, kristal/ kaca, dll. • Tekstil seperti batik, songket, sulaman, tenunan, bahan jahitan, dll. • Bahan logam seperti perak, tembaga, piuter, besi, emas, aluminium, dll.
<p><u>Pembaikan infrastruktur</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menaik taraf asset fizikal semasa iaitu kerja-kerja pembaikan, kos pengubahsuaian untuk memperbaiki kemudahan kerja/ bengkel/ pentas komuniti, dll. • Kit disinfeksi seperti cecair pembasmi kuman, mesin pembasmian kuman, pelitup muka, sarung tangan getah dan termometer digital.
<p><u>Honorarium</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Program pengajaran untuk pemindahan pengetahuan.
<p><u>Pemasaran dan Promosi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan pemasaran/ promosi seperti bayaran iklan, pembungkusan, bayaran pereka, media sosial/ iklan digital, dll.
<p><u>Kos perbelanjaan operasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Gaji sepenuh masa, sewa ruang bulanan, dll.

TERMA RUJUKAN

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum bahawa penerima pembiayaan yang telah berjaya tidak boleh terlibat dalam sebarang transaksi pembayaran dengan pihak berkaitan yang boleh dianggap sebagai tidak boleh dituntut. Bagi tujuan peruntukan ini, pernyataan “pihak berkaitan” bermaksud tidak terhad kepada syarikat/organisasi milik penuh dan/atau berkaitan dengan penerima pembiayaan pada asasnya Pemohon tidak boleh membayar diri sendiri dengan pembiayaan.

Apakah kategori untuk Pilihan Industri Kraf CENDANA?

Pilihan Industri Kraf CENDANA bertujuan untuk meraikan dan mengetengahkan artisan, pembuat dan pengeluar kraf untuk kepakaran teknikal mereka dalam pembuatan kraf tradisional Malaysia yang telah diamalkan selama beberapa generasi berturut-turut dan menumpukan pada kemahiran tangan dan/atau kraf kontemporari (menyesuaikan teknologi moden dengan teknik tradisional). Kategori merangkumi:

- **Kraf Terancam** – akan diberikan kepada pemohon yang menunjukkan inisiatif untuk melindungi dan mengekalkan kehidupan kraf terancam.
- **Kraf Terkini** – akan diberikan kepada pemohon yang menunjukkan inisiatif untuk membuat kraf yang menjadi tarikan khalayak ramai.
- **Pelestarian Warisan** – akan diberikan kepada pemohon yang menunjukkan inisiatif untuk memelihara warisan budaya dalam kraf.
- **Inovasi dalam Kraf** - akan diberikan kepada pemohon yang menunjukkan penggunaan teknologi inovatif dalam kerajinan.
- **Buatan Malaysia** – akan diberikan kepada pemohon yang membuat karya kraf Malaysia berkualiti tinggi untuk penggunaan domestik dan antarabangsa.
- **Latihan Kraf** – akan diberikan kepada pemohon yang menyumbang kepada pendidikan seni, penyertaan orang ramai dan penglibatan masyarakat dalam kraf.

Siapakah yang boleh memohon untuk Pilihan Industri Kraf CENDANA?

- Warganegara, organisasi dan perantara (*intermediary*) Malaysia yang mempunyai pengalaman dan portfolio kerja minimum tiga (3) tahun atau daripada pelbagai profesion yang lain namun terlibat secara aktif di dalam industri kraf Malaysia dan;
- Tidak semestinya berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (terbuka kepada pengusaha yang tidak berdaftar juga);



TERMA RUJUKAN

- Permohonan yang dibuat oleh individu, kolektif / kumpulan atau organisasi. Walaubagaimanapun, pemohon utama mesti memikul tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya dan terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses.

Siapakah yang boleh untuk dicalonkan untuk Pilihan Industri Kraf CENDANA?

CENDANA menjemput orang ramai untuk mencalonkan individu, kolektif/ kumpulan atau organisasi yang memenuhi kriteria Pilihan Industri Kraf CENDANA melalui borang pencalonan yang disediakan dalam talian.

Siapakah yang tidak layak memohon Pilihan Industri Kraf CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika:

1. Adalah Individu / Kumpulan / Organisasi yang:

- perniagaan utamanya adalah dalam reka bentuk fesyen;
- pengeluar dan pengedar kraf hiasan dan / atau pakaian fesyen;
- syarikat pengeluar reka bentuk asal (ODM);
- diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
- tidak memenuhi kriteria yang layak seperti ditetapkan;
- sedang menerima dana di bawah mana-mana program pembiayaan CENDANA atau syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- yang masih di dalam proses penilaian/mempunyai laporan penilaian yang masih belum diserahkan berkaitan program pembiayaan sebelum ini dengan CENDANA atau syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- sekiranya terdapat penemuan buruk terhadap organisasi ketika proses usaha wajar dilakukan;
- telah dibiayai oleh CENDANA dalam masa tiga (3) tahun berturut-turut.

2. Mencadangkan projek / siri program yang:

- tidak mempunyai komponen seni kraf yang jelas termasuk projek yang megutamakan tujuan untuk mempromosikan agama;
- bertujuan khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan mana-mana sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
- diadakan di tempat keagamaan;
- tidak bertujuan untuk kepentingan awam;
- bertujuan untuk pengumpulan dana;
- (mana-mana yang berkenaan) tidak memperoleh lesen dalam pasaran yang berkaitan (Untuk e. g. majlis perbandaran tempatan atau kelulusan PUSPAL).

Apakah yang dinilai dalam permohonan anda?

TERMA RUJUKAN

Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut serta kekuatan bahan sokongan yang diserahkan:

Profil

- Adakah pemohon mempunyai rekod prestasi yang mencukupi untuk pekerjaan yang lalu?
- Adakah pemohon menunjukkan penglibatan aktif dalam sektor kraftangan Malaysia?

Sumbangan terhadap Sektor Kraf Malaysia

- Adakah projek / program menyumbang ke arah pengembangan dan peningkatan industri kraf Malaysia? (ini boleh dijelaskan melalui inisiatif untuk menangani jurang dalam industri, pengembangan amalan kraf, mewujudkan peluang di dalam sektor ini dan banyak lagi)
- Adakah projek / program menunjukkan kemungkinan untuk membangun dan mengembangkan rangkaian, mengembangkan pasaran baru atau mewujudkan akses ke bidang seni melalui pemindahan pengetahuan?
- Bersesuaian dengan matlamat CENDANA, adakah projek ini mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan profil seni atau pembangunan untuk semua pihak yang terlibat?

Apakah yang akan menjejaskan permohonan anda?

Permohonan yang tidak memiliki dokumentasi yang mencukupi setelah diserahkan akan mengakibatkan permohonan tersebut sebagai tidak lengkap dan mungkin tidak akan dimajukan untuk dinilai. Senarai dokumen yang diperlukan:

Jenis Permohonan
<p>Memohon sebagai Individu / Kolektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama. <p>Memohon sebagai Perantara (<i>Intermediary</i>) atau Organisasi / Persatuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad Pengarah / Presiden* - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama (<i>*pengarah dan pemegang saham organisasi</i>). • Salinan borang pendaftaran syarikat yang sah - cth. Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran (jika berkenaan), senarai ahli jawatankuasa (untuk pertubuhan).
Dokumen sokongan



TERMA RUJUKAN

- Profil syarikat / CV;
- Lembaran anggaran bajet;
- Dua (2) hingga tiga (3) keping foto beresolusi tinggi produk anda;
- Penerangan ringkas mengenai produk anda dan bahan yang digunakan;
Huraian hendaklah merangkumi naratif bagi setiap produk dan kepentingannya terhadap warisan budaya. Selain memberikan cerita tempatan yang bermakna dan unik, produk ini juga mesti mempunyai nilai estetika, nilai fungsi dan nilai tidak ketara.
- Bahan-bahan lain yang berkaitan seperti artikel media dan klip video.

Kriteria Pencalonan

- Individu, kumpulan / organisasi yang dicalonkan mestilah seorang warganegara Malaysia yang bermaustautin di Malaysia;
- Kegiatan kraf mestilah kraf warisan (kraf yang telah dipraktikkan selama beberapa generasi berturut-turut dan menumpukan kepada kemahiran tangan);
- Pencalonan mesti merangkumi dokumentasi latar belakang dan pencapaian pembuat kraf. Ini mesti merangkumi catatan biografi (<500 patah perkataan) dan bahan lain yang berkaitan seperti artikel media dan klip video);
- Calon mesti memenuhi kriteria Pilihan Industri Kraf CENDANA dan jika Berjaya, akan diberitahu.

Apakah syarat pelaporan dari Perantara (Intermediary) yang berjaya?

Pelaporan yang Diperlukan

- Untuk melengkapkan **Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA** yang perlu diserahkan dalam waktu dua puluh satu (21) hari bekerja setelah projek selesai. (templat / borang yang disediakan oleh CENDANA);
- Menyediakan ringkasan perbelanjaan projek beserta bukti perbelanjaan (penerimaan, invois, baucar pembayaran, dll);
- Untuk mengemukakan bentuk pengesahan lain - bahan aktiviti tambahan seperti video, foto dan bahan-bahan pemasaran (jika ada).

Apakah serahan dari artisan, pembuat kraf, pengeluar atau organisasi individu / kolektif / kumpulan yang berjaya?

Serahan

- Untuk mengemukakan sebarang bentuk pengesahan - bahan aktiviti tambahan seperti video, foto dan bahan-bahan pemasaran;
- Untuk mengambil bahagian dalam dokumentasi kraf.

TERMA RUJUKAN

Bagaimanakah anda boleh memohon untuk Pilihan Industri Kraf CENDANA?

Anda boleh menghantar permohonan melalui laman web CENDANA di www.cendana.com.my. Penyerahan melalui kaedah lain seperti e-mel, salinan cetak, **TIDAK** akan diterima.

Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan emel ke grants@cendana.com.my.

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Apabila permohonan ditutup pada tarikh tutup yang diberikan, semua permohonan akan disemak untuk memastikan permohonan projek memenuhi kriteria kelayakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Semua permohonan dinilai secara bersama dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.
- Pemohonan yang menepati semua terma dan syarat akan melalui satu proses penilaian yang akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri CENDANA** yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni, yang kemudian ditentukan oleh sistem pemarkahan yang berpandukan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Pemohonan yang mempunyai nilai markah tinggi akan dinilai dan diluluskan oleh **Pihak Pengurusan / Lembaga Pengarah**.
- Semua maklumat yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli panel CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat dan juga telah mengisytiharkan tiada sebarang kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.
- Keputusan penilaian akan dihantar melalui e-mel pengesahan dalam masa tidak lebih dari empat (4) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

Bagaimana anda akan menerima pembiayaan?

- Sekiranya anda berjaya, anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda) untuk mengesahkan syarat dan pembiayaan bersyarat tersebut.
- Jumlah yang diluluskan akan dikeluarkan dalam dua (2) bahagian. Pembiayaan tersebut akan dikreditkan ke akaun bank anda atau organisasi anda yang diiktiraf.

Struktur pembayaran Pilihan Industri Kraf CENDANA adalah seperti berikut:

Setelah Menandatangani Perjanjian	Laporan Tinjauan Pemantauan dan Serahan Lain
Pembayaran Pertama (40% dari jumlah yang	Pembayaran akhir (baki 60% dari jumlah yang

TERMA RUJUKAN

<p>diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.</p>	<p>diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA (untuk perantara / <i>intermediary</i>) dan serahan lain (untuk individu, kolektif / kumpulan, organisasi dan perantara yang disebutkan di atas).</p>
---	---

Pelaporan data dan hasil memberikan CENDANA maklumat berharga untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap projek, dan memastikan kebertanggungjawaban dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan Pilihan Industri Kraf CENDANA yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat Pilihan Industri Kraf CENDANA;
- Serahan yang diperlukan.

Tawaran Pilihan Industri Kraf CENDANA akan sah selama tiga puluh (30) hari dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

Permohonan yang tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Nota Berkaitan Garis Panduan Pilihan Industri Kraf CENDANA

Disamping mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

TERMA RUJUKAN

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan daripada CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my .